

24/05/2005

Zainudin-Internet

SARANAN DR MAHATHIR SEKAT AKSES WEB LUCAH WAJAR DIPERTIMBANG, KATA ZAM

SHAH ALAM, 24 Mei (Bernama) -- Saranan Tun Dr Mahathir Mohamad kepada kerajaan supaya mengguna pakai perisian khas bagi menyekat akses web lucah wajar dipertimbangkan kerana ia mendidik rakyat memilih maklumat yang berkualiti dan berguna, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin.

Katanya walaupun akan timbul bantahan daripada segelintir pihak terhadap saranan bekas perdana menteri itu tetapi kerajaan tidak harus dituduh tidak demokratik sekiranya ia dilaksanakan.

"Bukan kita tidak berpegang pada demokrasi, bukan kita tutup Internet. Apa yang diharapkan ialah mengajar rakyat memilih bahan berkualiti, berguna dan berilmu di Internet," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar Kecemerlangan Bekerja Dari Perspektif Islam Hadhari anjuran Kementerian Penerangan peringkat zon tengah di sini hari ini.

Dr Mahathir mencadangkan agar perisian khas komputer digunakan untuk menyekat orang ramai daripada mengakses bahan lucah di internet ke arah membendung keruntuhan moral di kalangan generasi muda.

Zainudin berkata walaupun bukan mudah untuk menjayakan saranan Dr Mahathir itu tetapi jalan perlu dicari bagi melaksanakannya kerana ia merupakan satu permasalahan yang perlu dibendung.

Dalam ucapannya pula, Zainudin berkata Malaysia perlu berhati-hati dengan cubaan media barat menggambarkan negara ini sebagai tidak demokratik.

Katanya Malaysia melakukan penyesuaian pada sistem demokrasi tanpa mengorbankan jati diri rakyatnya yang diperkuatkan melalui sistem pendidikan yang baik.

-- BERNAMA

LES MAI